

KUALITI PENDIDIKAN PENGURUSAN KEWANGAN DENGAN TAHAP LITERASI KEWANGAN (QUALITY OF FINANCIAL MANAGEMENT EDUCATION AND FINANCIAL LITERACY)

Nor Syahidah Norazam¹
Norasmah Othman²

Abstrak

Kajian rintis ini dijalankan bagi mengkaji hubungan antara kualiti pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 30 pelajar kolej dan universiti di sekitar Bangi, Selangor. Lima dimensi kualiti Model SERVQUAL iaitu i) ketaraan; ii) kebolehppercayaan; iii) tindak balas; iv) jaminan dan v) empati digunakan bagi menguji tahap kepuasan pelajar ataupun perspektif pelajar tentang subjek/kursus/program pengurusan kewangan yang ditawarkan di kolej/universiti mereka. Selain itu, instrumen ini turut dibangunkan untuk mengukur tahap literasi kewangan pelajar melalui aspek i) pengetahuan pelajar tentang pengurusan kewangan; ii) sikap pelajar terhadap pengurusan kewangan dan iii) amalan pengurusan kewangan pelajar itu sendiri. Pengkaji menggunakan nilai Cronbach's Alpha bagi menentukan kebolehppercayaan soal selidik. Nilai Cronbach's Alpha bagi kedua-dua pembolehubah dan setiap item yang dikaji dalam soal selidik ini melebihi 0.70 kesemuanya. Dapatan kajian ini mendapati skor min bagi kedua-dua pembolehubah berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.6813 (kualiti) dan 4.8626 (literasi kewangan). Akhir sekali, keputusan pengujian korelasi Pearson mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara kualiti pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan, $r(28) = 0.665$, $p = 0.000$.

Keywords: Pendidikan Pengurusan Kewangan, Kualiti Pendidikan, Literasi Kewangan

Abstract

A pilot study was conducted to investigate the relationship between the quality of financial management education and financial literacy. Questionnaires were distributed to 30 students from colleges and universities around Bangi, Selangor. Five dimensions of quality SERVQUAL model is used to gauge student satisfaction and student perspectives on subjects/courses/financial management program offered at college/university. In addition, these instruments were developed to measure the level of financial literacy of students through i) knowledge of financial management; ii) attitudes towards financial management, and iii) financial management practice. Cronbach's Alpha for each item in this survey are more than 0.70. This study found that the mean scores for both variables were at a high level: 4.6813(quality) and 4.8626(financial literacy). Finally, the results of Pearson correlation found a significant relationship between the quality of education in financial management with the level of financial literacy, $r(28)=0665$, $p=0.000$.

Keywords: Financial Management Education, Quality of Education, Financial Literacy

2017 GBSE Journal

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

² Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

Pengenalan

Kualiti pendidikan pengurusan kewangan adalah salah satu aspek yang perlu diberi perhatian bagi mengukur tahap literasi kewangan yang dikatakan menjadi punca muflis terjadi. Kes muflis di kalangan belia dan individu berpendidikan bukanlah satu isu yang ganjil pada masa kini. Terdapat banyak laporan kes muflis yang dicatatkan (Jabatan Insolvensi 2013; Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit 2014; Ringgit 2014) dan antara faktor yang sering dilihat sebagai penyumbang kepada kes muflis ini ialah kerana kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan kewangan (Nik Nurul Amni & Hussin Salamon 2012; Kaviyarasu Elangkovan & Ahmed Razman 2013; Abdul Basit Hodari et al. 2014; Raziah & Syarifah 2014).

Pengurusan kewangan merupakan aspek yang penting dan perlu dikuasai oleh semua insan. Hal ini selari dengan salah satu artikel yang berjudul “Pengurusan Kewangan: Kemahiran untuk semua orang” dalam keluaran Ringgit pada September 2014. Pelbagai kajian (Mohd Mahyuddin 2004; Zuriana & Rosniyati 2012; Jumaat et al. 2012; Mohd Richard 2013) telah menekankan kepentingan pengurusan kewangan dalam konteks kehidupan, organisasi mahupun perniagaan. Dalam kajian Zuriana & Rosniyati (2012) juga ada menekankan beberapa faedah yang akan diperolehi jika seseorang itu mampu merancang dan mengurus kewangannya dengan baik. Antaranya ialah seseorang itu akan lebih berupaya untuk menguruskan hutang dan perbelanjaan serta mengelakkan kebangkrutan mahupun kebergantungan kepada orang lain. Literasi kewangan merupakan salah satu instrumen yang boleh diukur untuk menilai kemahiran pengurusan kewangan di kalangan pelajar universiti. Kajian yang dijalankan oleh Noor Azizah Shaari et al. (2013) turut mengkaji tahap literasi kewangan dikalangan pelajar universiti tempatan. Majoriti pelajar universiti akan berjauhan dengan keluarga, justeru mereka perlu membuat rancangan dan keputusan untuk menyimpan, belanja dan pelaburan berdasarkan ilmu kewangan yang mereka ada. Oleh itu, dengan mengkaji tahap literasi kewangan di kalangan pelajar ini, kita akan lebih memahami amalan dan pemahaman kewangan para pelajar.

Persoalan kajian dalam kajian ini ialah adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar tentang kursus pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan. Kajian ini diharapkan dapat mengkaji persepsi pelajar tentang kualiti pendidikan pengurusan kewangan yang ditawarkan di kolej/universiti melalui kepuasan pelajar dari dimensi ketaraan, kebolehpercayaan, tindak balas, jaminan dan empati. Kajian ini juga ingin menguji tahap literasi kewangan pelajar melalui aspek pengetahuan pelajar tentang pengurusan kewangan, sikap pelajar terhadap pengurusan kewangan dan amalan pengurusan kewangan pelajar itu sendiri.

Kajian Literatur

Muflis di Malaysia

Muflis merupakan satu mimpi ngeri atau perkara yang paling ditakuti dan perlu ditangani secara serius oleh setiap individu. Peningkatan jumlah bilangan muflis dikalangan belia (Jabatan Insolvensi 2013) pada hari ini amat membimbangkan. Merujuk kepada data Jabatan Insolvensi Malaysia pula, seramai 134 550 orang individu diisytihar muflis sepanjang tahun 2007 hingga Jun 2014. Hasil dapatan kajian Kaviyarasu Elangkovan & Ahmed Razman (2013) menyediakan hasil yang berguna kepada generasi muda dan juga setiap orang awam

untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang isu muflis yang boleh dilihat sebagai "penyakit baru". Tanpa menyedari akibat penggunaan kad kredit melebihi had, semakin ramai generasi muda sekitar 30 tahun telah muflis akibat hutang kad kredit. Pada Mac 2009 sahaja sebanyak RM15.719 bilion hutang dari pemegang kad kredit telah dilaporkan (Kaviyarasu Elangkovan & Ahmed Razman 2013). Menurut kajian terbabit, individu berumur 30 tahun ke bawah adalah yang dilaporkan kumpulan umur yang tertinggi muflis kerana hutang kad kredit dan diyakini berpunca dari perbelanjaan yang berlebihan dan juga pengurusan wang yang teruk. Oleh itu, untuk mengurangkan kes muflis di kalangan belia adalah wajar pengetahuan dan kesedaran tentang pengurusan kewangan didedahkan seawal yang mungkin supaya mereka ini lebih bersedia dan mempunyai ilmu yang lengkap untuk menjadi individu yang lebih berjaya (Mohd Mahyuddin 2004).

Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan

Walaupun isu pengurusan kewangan telah lama diberi perhatian dan pendidikan pengurusan kewangan juga telah semakin ditekankan di peringkat awal persekolahan dan universiti, kes muflis di kalangan belia masih tidak lagi mampu dibendung. Rentetan itu, kualiti pendidikan pengurusan kewangan adalah salah satu aspek yang wajar diberikan perhatian bagi mengenal pasti tahap literasi kewangan yang dikatakan menjadi punca muflis terjadi. Kualiti pendidikan adalah sesuatu yang penting dan merupakan tanggungjawab bagi semua pihak yang terlibat. Bagi memastikan output (pelajar) yang berkualiti, setiap input dan proses dalam menyampaikan pendidikan itu haruslah berkualiti (Roselena Mansor 2001). Pendidikan yang berkualiti akan menghasilkan graduan yang berpendidikan dan bermutu tinggi dan seterusnya akan membantu mengurangkan beban negara serta meningkatkan ekonomi negara. Dalam kajian ini, pelajar yang tidak berpuas hati dengan kualiti pendidikan pengurusan kewangan berkemungkinan besar mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah kerana mereka secara dasarnya tidak mendapat pendidikan yang ditawarkan.

Dalam kajian ini, bagi mengenal pasti kualiti pendidikan pengurusan kewangan satu dimensi kualiti perkhidmatan (SERVQUAL) telah digunakan yang pada asalnya diperkenalkan oleh Parasuraman et al. (1995) di dalam bidang kualiti perkhidmatan. SERVQUAL dibentuk berasaskan kepada penilaian daripada pandangan pelanggan. Dalam kajian yang dijalankan ini, model SERVQUAL amat sesuai digunakan kerana kajian ini inginkan penilaian daripada perspektif pelajar universiti. Secara dasarnya, pelajar merupakan pelanggan yang penting kepada institusi pengajian. Barnett (1995) menyatakan persepsi mereka yang terlibat dengan pendidikan sesebuah institusi adalah penting kerana ingin mendapatkan pengalaman daripada mereka ini. Penilaian kualiti pendidikan pengurusan kewangan dalam kajian ini dilihat berdasarkan persepsi pelajar mengikut lima dimensi iaitu ketaraan, kebolehpercayaan, tindak balas, jaminan dan empati. Item dalam soal selidik kajian ini bagi kelima-lima dimensi kualiti ini telah diadaptasi dari kajian Roselena Mansor (2001).

Dimensi ketaraan mencakupi kemudahan fizikal, peralatan dan penampilan personel universiti. Oleh itu dalam kajian ini, dimensi ini akan mengukur persepsi pelajar tentang penampilan pensyarah, kemudahan serta kelengkapan bilik kuliah, dan mengenai buku rujukan. Manakala, dimensi kebolehpercayaan ialah keupayaan personel universiti melaksanakan khidmat yang dijanjikan dengan tepat. Item yang dimasukkan dalam dimensi ini ialah mengenai ketepatan kandungan kursus/program, penilaian tugas dan pelaksanaan pensyarah. Dimensi tindak balas pula membawa maksud kerelaan untuk membantu pelajar dan memberikan perkhidmatan yang segera apabila diperlukan. Dimensi ini lebih berkisar

tentang kesediaan pensyarah, maklum balas tugas, tindakan susulan universiti serta keprihatinan pensyarah. Dimensi jaminan dilihat daripada aspek pengetahuan, budi bahasa dan keupayaan personel universiti memberi keyakinan dan kepercayaan kepada pelajar. Antara item yang ditekankan ialah kerelevanan pengajaran, kaedah pengajaran dan pengetahuan pensyarah. Akhir sekali, dimensi empati pula mengambil berat dan memberi perhatian kepada aspek pembelajaran dan pembangunan diri pelajar secara individu. Dimensi ini lebih kepada perhatian kepada pelajar, bimbingan pensyarah dan program yang dijalankan.

Literasi Kewangan Pelajar Universiti

Dalam kajian ini, tahap literasi kewangan pelajar universiti akan diukur melalui pengetahuan kewangan, sikap kewangan dan amalan kewangan. Item dalam soal selidik ini diadaptasi dari beberapa kajian iaitu dari kajian Rajna Anthony (2011), Mohamad Fazli Sabri (2011) dan Azwadi Ali et al. (2013). Definisi pengetahuan kewangan mempunyai maksud yang berbeza-beza jika dilihat dari sudut pengurusan kewangan (Godwin et al. 1986). Tidak kira bagaimana pengetahuan kewangan telah ditakrifkan dan diukur, ia telah terbukti mempunyai kesan yang signifikan ke atas pengurusan kewangan (Jodi et al. 1998). Pemahaman kewangan terhadap inflasi, kadar pulangan, pelaburan sewa-beli kenderaan, serta pengurusan risiko adalah sebahagian daripada contoh pengetahuan kewangan. Terdapat kajian melaporkan bahawa pelajar kolej/universiti masih tidak mempunyai pengetahuan kewangan yang mencukupi (Tahira 1987; Justin 2003).

Sikap kewangan bagi tujuan kajian ini pula boleh ditakrifkan sebagai satu prinsip kewangan untuk mewujudkan dan mengekalkan nilai ketika membuat sebarang keputusan dan pengurusan sumber. Definisi sikap ialah kecenderungan psikologi yang dinyatakan untuk menilai entiti tertentu dengan sedikit sokongan atau bantahan (Eagle & Chaiken 1993). Sikap juga boleh didefinisikan sebagai pandangan atau reaksi yang ditunjukkan oleh seseorang kepada sesuatu perkara. Oleh itu, sikap kewangan boleh dianggap sebagai kecenderungan psikologi yang ditunjukkan apabila menilai amalan pengurusan kewangan yang disyorkan dengan beberapa tahap bersetuju atau tidak bersetuju (Jodi et al. 1998). Amalan pengurusan kewangan ialah perancangan kewangan yang dapat membantu mengenalpasti bagaimana cara untuk menyediakan belanjawan, membuat pembelanjaan dan membuat simpanan. Perancangan kewangan melibatkan satu proses yang dinamik dan memerlukan pemantauan yang berterusan agar kedudukan kewangan dapat dikawal (Noraihan Mamat Zambri et al. 2013). Oleh itu, amalan kewangan boleh dilihat sebagai bagaimana seseorang itu merancang dan bertindak dalam pengurusan wang.

Metodologi

Rekabentuk kajian ini ialah penyelidikan deskriptif jenis tinjauan iaitu menggunakan soal selidik. Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat dan data-data mengenai tahap literasi kewangan di kalangan pelajar universiti dan persepsi pelajar tentang kualiti pendidikan pengurusan kewangan. Reka bentuk ini dipilih kerana kaedah kuantitatif amat sesuai untuk melihat apakah tahap literasi kewangan para pelajar dan persepsi pelajar tentang kualiti pendidikan pengurusan kewangan yang telah didedahkan kepada mereka sepanjang mengikuti pengajian di universiti.

Populasi bagi kajian ini terdiri daripada pelajar universiti di Selangor. Hal ini kerana berdasarkan rekod dari Jabatan Insolvensi Malaysia (2015), Selangor dilaporkan menjadi negeri yang penduduknya paling ramai muflis atau bankrap sepanjang tahun 2014. Bagi menguji kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik, 30 pelajar universiti di Bangi digunakan untuk menjalani kajian rintis ini. Para pelajar yang menjadi responden ini terdiri daripada pelajar yang pernah mengikuti subjek/kursus/program Pengurusan Kewangan serta mereka dipilih secara rawak tanpa mengira faktor seperti universiti, bidang kursus, umur ataupun perkara lain.

Instrumen Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Instrumen kajian yang berbentuk soal selidik akan dijalankan untuk proses pengumpulan data. Soal selidik digunakan kerana ianya menepati sebagai kaedah untuk mendapatkan data kajian di mana kaedah ini mudah untuk dikendalikan dan tepat serta mudah untuk mendapatkan kerjasama responden.

Sehubungan itu, instrumen soal selidik ini diadaptasi dari kajian Roselena Mansor (2001), Mohamad Fazli Sabri (2011), Rajna Anthony (2011) dan Azwadi Ali et al. (2013). Maklumat peribadi responden meliputi soalan berkaitan dengan demografi dan sosioekonomi, status kewangan, anggaran perbelanjaan harian, dan bebanan hutang yang ditanggung. Manakala, dimensi kualiti mempunyai 5 bahagian yang mewakili setiap dimensi kualiti dalam model SERVQUAL iaitu ketaraan, kebolehpercayaan, tindak balas, jaminan dan empati. Bahagian ini adalah untuk mengkaji apakah persepsi pelajar atau tahap kepuasan pelajar tentang kualiti pendidikan pengurusan kewangan yang ditawarkan di kolej / universiti mereka. Skala Likert digunakan di dalam kelima-lima dimensi dengan 24 item (1 = Sangat tidak berpuas hati, 2 = Tidak berpuas hati, 3 = Kurang pasti, 4 = Berpuas hati, 5 = Sangat berpuas hati)

Literasi kewangan diukur berdasarkan 50 item dalam 3 bahagian iaitu pengetahuan, sikap, dan amalan. Terdapat 20 item dalam bahagian pengetahuan menggunakan skala betul, salah dan tidak pasti. Manakala, bahagian sikap dan amalan masing-masing mempunyai 15 item. Kedua-dua bahagian ini mengandungi pernyataan positif dan negatif dan ditelah “recode” dalam SPSS. Skala Likert digunakan di bahagian ini bagi menguji bagaimanakah sikap pengurusan kewangan (1 = Sangat tidak bersetuju, 2 = Tidak bersetuju, 3 = Kurang pasti, 4 = Setuju, 5 = Sangat setuju) dan amalan pengurusan kewangan para pelajar (1 = Sangat tidak kerap, 2 = Tidak kerap, 3 = Kurang pasti, 4 = Kerap, 5 = Sangat kerap) .

Jadual 1: Rangka dan item dalam borang soal selidik

Item	Deskripsi	Sumber
A	Maklumat personal Responden dikehendaki untuk menanda (/) di kotak yang sesuai mengikut latar belakang. • Terdapat 12 item.	
B	Kepuasan pelajar Terdapat 5 bahagian yang mewakili setiap dimensi kualiti dalam model SERVQUAL iaitu ketaraan, kebolehpercayaan, tindak balas, jaminan dan empati. Skor min dan sisihan setiap dimensi diambil kira. • Item yang dibina berdasarkan skala likert. Secara keseluruhannya bahagian	• Roselena Mansor (2001)

ini mempunyai 24 item.

C	Literasi kewangan	<p>Terdapat 3 bahagian iaitu pengetahuan, sikap, dan amalan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat item berbentuk betul/tidak pasti/salah dan juga item berdasarkan skala likert. • Bahagian 1 mempunyai 20 item. Manakala, bahagian 2 dan 3 masing-masing mempunyai 15 item. Secara keseluruhannya terdapat 50 item dalam bahagian ini. 	<ul style="list-style-type: none"> • Rajna Anthony (2011) • Mohamad Fazli Sabri (2011) • Azwadi Ali et al. (2013)
---	-------------------	--	--

Instrumen soal selidik yang dibina telah diuji kesahan muka dan kesahan kandungannya. Dua orang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dirujuk untuk mendapatkan pengesahan soal selidik kajian ini. Manakala dalam kajian ini, kebolehpercayaan telah diukur melalui sistem SPSS. Pengkaji menggunakan nilai Cronbach's Alpha bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Nilai Cronbach's Alpha yang nilainya melebihi 0.70 adalah diterima kebolehpercayaannya (Nurulhuda et al. 2009). Jadual 2 di bawah menunjukkan nilai Cronbach's Alpha bagi kedua-dua pembolehubah dan setiap item yang dikaji dalam soal selidik ini.

Jadual 2: Pengukuran kebolehpercayaan instrumen

Dimensi		Bilangan Item	Cronbach's Alpha	
Kualiti	-	Ketaraan	4	0.873
		Kebolehpercayaan	5	0.837
		Tindak Balas	5	0.788
		Jaminan	5	0.957
		Empati	5	0.786
Literasi Kewangan	-	Pengetahuan	20	0.708
		Sikap	15	0.827
		Amalan	15	0.703

Dapatan dan Perbincangan

Demografi Responden

Demografi responden menunjukkan 43.3% responden ialah pelajar ijazah muda, 36.7% pelajar sarjana dan 20.0% pelajar diploma. 53.3% daripada responden merupakan pelajar dari fakulti pendidikan dan 36.7% dari fakulti perniagaan. Kajian ini juga didominasi oleh jantina perempuan (70%) dan kaum melayu (86.7%). Analisis deskriptif bagi faktor demografi responden mengikut umur pula menunjukkan seramai 12 orang responden yang berumur 21-23 tahun (40.0%), 9 orang responden yang berumur 24-26 tahun (30.0%), 5 orang responden yang berumur 18-20 tahun (16.7%) dan seramai 4 orang responden yang

berumur atas 27 tahun (13.3%) telah terlibat dalam kajian ini. Jika melihat dari anggaran perbelanjaan harian, 30% responden berbelanja sebanyak RM 6 – RM 10 dan 30% berbelanja sebanyak RM 11 – RM 15 sehari. Data juga menunjukkan 86.7% daripada responden terikat dengan pinjaman / hutang dan 56.7% darinya ialah hutang pinjaman pendidikan. Perkara ini jelas menunjukkan yang para pelajar sudah mula terbeban dengan hutang ketika di usia muda lagi. Sekiranya tiada perancangan kewangan yang tepat dan kesedaran tentang pengurusan kewangan, golongan ini akan lebih terdedah dengan pelbagai risiko kewangan dan muflis.

Jadual 3: Demografi Responden

		n	Peratus (%)
Tahap Pengajian	Diploma	6	20.0
	Ijazah Muda	13	43.3
	Sarjana	11	36.7
Fakulti	Pendidikan	16	53.3
	Perniagaan	11	36.7
	Kejuruteraan	2	6.7
	Lain-lain	1	3.3
Jantina	Lelaki	9	30.0
	Perempuan	21	70.0
Kaum	Melayu	26	86.7
	Cina	1	3.3
	India	3	10.0
Umur	18 – 20	5	16.7
	21 – 23	12	40.0
	24 – 26	9	30.0
	27 dan keatas	4	13.3
Perbelanjaan harian	RM 1 – RM 5	5	16.7
	RM 6 – RM 10	9	30.0
	RM 11 – RM 15	9	30.0
	RM 16 – RM 20	4	13.3
	RM 21 – RM 25	3	10.0
Pinjaman/Hutang	Ya	26	86.7
	Tidak	4	13.3
Bentuk Pinjaman/Hutang	Tiada	4	13.3
	Pinjaman pendidikan	17	56.7
	Sewa beli kenderaan	1	3.3
	Kredit kad	1	3.3
	Pinjaman pendidikan & sewa beli kenderaan	2	6.7
	Pinjaman pendidikan & kredit kad	1	3.3
	Sewa beli kenderaan & kredit kad	2	6.7
	Pinjaman pendidikan, sewa beli kenderaan & kredit kad	2	6.7

Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan

Interpretasi skor min adalah berdasarkan Nunnally (1994). Secara keseluruhannya dapatan analisis dalam Jadual 4 di bawah menunjukkan bahawa kualiti pendidikan pengurusan kewangan mengikut kepuasan pelajar ataupun perspektif para pelajar adalah pada tahap tinggi. Dapatan ini berdasarkan nilai min dimensi kualiti = 4.6813. Pelajar sangat

berpuas hati dengan item-item dalam dimensi jaminan (4.8533) seperti “Kerelevanan pengajaran amat dititikberatkan dan mengikut perkembangan semasa”, “Kaedah pengajaran yang dijalankan oleh pensyarah adalah sangat sesuai dengan program/kursus/subjek pengurusan kewangan”, “Pengetahuan pensyarah tentang pengurusan kewangan adalah sangat bagus”, “Persediaan pengajaran yang rapi dan tersusun dilakukan oleh pensyarah” dan “Maklumat pengajaran adalah tepat dan mengikut kandungan yang telah dinyatakan”.

Manakala, dimensi yang mempunyai persepsi terendah ialah dimensi tindak balas (4.4933). Item seperti “Kesediaan pensyarah memberi bantuan memahami pelajaran adalah sangat baik”, “Maklum balas tugas dilakukan supaya pelajar dapat mempelajari sesuatu yang berguna”, “Tindakan susulan universiti untuk membuat program/kursus bertemakan pengurusan kewangan adalah sangat baik”, “Keprihatinan pensyarah jika terdapat pelajar yang lambat atau tidak memahami pelajaran” dan “Pendidikan pengurusan kewangan yang ditawarkan oleh kolej/universiti sangat berguna untuk diaplikasikan di dalam kehidupan” membuktikan pelajar mempunyai tahap kepuasan yang rendah dalam dimensi kualiti ini. Walau bagaimanapun, nilai yang tinggi dalam kelima-lima dimensi ini membuktikan bahawa responden kajian sangat berpuas hati dengan kualiti pendidikan pengurusan kewangan yang ditawarkan di kolej / universiti mereka.

Jadual 4: Skor min dan sisihan piawai mengikut 5 dimensi kualiti

Dimensi Kualiti	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Ketaraan	4.6333	0.40860	Tinggi
Kebolehpercayaan	4.7200	0.41223	Tinggi
Tindak Balas	4.4933	0.37777	Tinggi
Jaminan	4.8533	0.34813	Tinggi
Empati	4.7067	0.36666	Tinggi
Kualiti (K)	4.6813	0.23499	Tinggi

Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Roselena Mansor (2001) dimana pandangan pelajar terhadap kelima-lima dimensi SERVQUAL di dalam kajiannya berada pada tahap yang baik. Walaubagaimanapun, dapatan kajian ini bercanggah dengan dapatan kajian Nalini (2001), Siti Rohani (2006), Aminuddin dan Shamsarizal (2008) dan Haliyana Tonot & Atiah Ibrahim (2014) yang mendapati secara keseluruhannya hasil kajian terhadap tahap kualiti perkhidmatan yang dijalankan mereka berada pada tahap rendah. Perbezaan ini mungkin disebabkan faktor dimensi kualiti yang diuji ataupun kerana kajian rintis ini hanya menggunakan 30 orang responden. Dapatan kajian ini mungkin akan berbeza apabila saiz sampel semakin bertambah ekoran tahap kepuasan setiap pelajar adalah berlainan dan bergantung kepada perspektif mereka sendiri. Oleh itu, kajian yang akan datang seharusnya mempunyai saiz sampel yang besar agar mempunyai dapatan yang lebih tepat.

Tahap Literasi Kewangan

Secara keseluruhannya dapatan analisis dalam Jadual 5 di bawah menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan para pelajar adalah pada tahap yang tinggi. Dapatan ini berdasarkan nilai min purata literasi kewangan = 4.8626. Sikap kewangan pelajar (4.9467) mempunyai min yang paling tinggi dalam literasi kewangan. Sikap dalam kajian ini hanya lah pandangan para pelajar tentang pengurusan kewangan yang bagus tetapi masih tidak mengaplikasikannya. Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai sikap yang sangat positif

dalam pengurusan kewangan. Manakala, amalan pelajar (4.8044) ialah yang terendah. Amalan dalam skop kajian ini ialah refleksi tentang tingkah laku atau aktiviti yang para pelajar. Perkara ini jelas menunjukkan walaupun pelajar mempunyai sikap yang sangat positif, mereka masih tidak mengamalkan sepenuhnya konsep pengurusan kewangan dalam kehidupan seharian. Walaubagaimanapun, ketiga-tiga aspek literasi kewangan mempunyai nilai min yang tinggi dan ini membuktikan bahawa responden mempunyai tahap literasi kewangan yang bagus.

Jadual 5: Skor min dan sisihan piawai literasi kewangan

Literasi Kewangan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Min
Pengetahuan	4.8367	0.28099	Tinggi
Sikap	4.9467	0.11926	Tinggi
Amalan	4.8044	0.15944	Tinggi
Literasi Kewangan (LK)	4.8626	0.14573	Tinggi

Noor Azizah Shaari et al. (2013) turut mengkaji tahap literasi kewangan dikalangan pelajar universiti tempatan. Hal ini kerana apabila mengkaji tahap literasi kewangan di kalangan pelajar ini, kita akan lebih memahami amalan dan pemahaman kewangan para pelajar.

Hubungan Antara Kualiti Pendidikan Pengurusan Kewangan Dengan Tahap Literasi Kewangan

Persoalan kajian dalam kajian ini ialah adakah terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar tentang kursus pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan? Dapatan analisis dalam Jadual 6 di bawah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi pelajar (kualiti) tentang kursus pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang positif dan sederhana di antara kualiti pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan, $r(28) = 0.665$, $p = 0.000$.

Jadual 6: Korelasi antara literasi kewangan (LK) dengan kualiti pendidikan pengurusan kewangan (K)

Literasi Kewangan (LK)	Nilai Korelasi Pearson (r)	Signifikan (p)	Kekuatan Korelasi
Kualiti pendidikan pengurusan kewangan (kepuasan pelajar), K	0.665	0.000**	Sederhana

**Signifikan Pada Aras 0.01 (Dua Hujung)

Melalui analisis korelasi Pearson, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kualiti pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan. Dapatan ini menunjukkan jika kualiti pendidikan pengurusan kewangan semakin bagus, tahap literasi kewangan pelajar juga akan turut bertambah. Hal ini selari dengan kajian Karen et al. (2005) yang berpendapat bahawa kurikulum atau pendidikan pengurusan kewangan sepatutnya memberikan kesan yang positif terhadap pengetahuan dan gelagat kewangan.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian ini menunjukkan kepuasan pelajar terhadap kursus/subjek/program yang ditawarkan di kolej/universiti adalah tinggi. Secara umumnya, dapatan kajian ini membuktikan kualiti pendidikan pengurusan kewangan adalah bagus kerana kelima-lima dimensi mempunyai nilai min yang tinggi. Selain daripada kepuasan pelajar yang tinggi, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap literasi kewangan para responden adalah berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini sangat berguna kepada pelajar universiti kerana pengurusan kewangan merupakan salah satu perkara yang penting dalam kehidupan. Oleh itu adalah penting agar pihak kolej/universiti turut sama memperkayakan kualiti pendidikan pengurusan kewangan supaya golongan belia ini lebih celik kewangan.

Rujukan

- Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh. 2014. Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Prosiding PERKEM ke-9*: 833-844.
- Aminuddin Yusof & Shamsarizal Abd Aziz. 2008. Hubungan antara kualiti perkhidmatan kemudahan sukan kolej matrikulasi dengan kepuasan pelajar. *Malaysian Education Deans Council Journal 2*: 1-19.
- Azwadi Ali, Mohd Shaari Abd Rahman & Alif Bakar. 2013. Financial Literacy and Satisfaction in Malaysia: A Pilot Study. *The International Journal of Applied Economics and Finance 4* (5): 319-324.
- Haliyana Tonot & Atiah Ibrahim. 2014. Penilaian Kualiti Perkhidmatan Di One Stop Center (Osc) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis): Satu Kajian Rintis. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR*. Kota Kinabalu, Sabah.
- Jumaat Abd Moen, Ahmad Rafli Che Omar, Zaimah Darawi & Hamdino Hamdan. 2012. Amalan Pengurusan Kewangan di Kalangan Usahawan Asnaf. *Prosiding PERKEM VII*: 762-769.
- Karen, P.V., Martin, A., Devitto, Z. & Charles, G. 2005. Using a Financial Education Curriculum for Teens. *Financial Counseling and Planning 16* (1): 63-71.
- Kaviyarasu Elangkovan & Ahmed Razman Abdul Latiff. 2013. Bankruptcy: A Natural Phenomena Being Attacked On Malaysians. *International Journal of Humanities and Management Sciences (IJHMS) 1* (1): 2320-4044.
- Mohamad Fazli Sabri. 2011. Pathways to Financial Success: Determinants of Financial Literacy and Financial Well-Being Among Young Adults.
- Mohd Mahyuddin Ismail. 2004. *Persepsi mahasiswa terhadap pengurusan wang. Kajian kes di kalangan mahasiswa tahun 3 dan 4 sarjana muda sains serta pendidikan (pengajian islam)*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Richard Neles Abdullah. 2013. Pengurusan Kewangan Di Sekolah Kebangsaan Dan Sekolah Menengah Kebangsaan : Satu Kajian Kes. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL* Jilid 11: 23-34.
- Nalini Arumugam. 2001. *Consumers Perceptions and Expectations of Service Quality in Selected Fast Food Restaurants*. Universiti Putra Malaysia.
- Nik Nurul Amni Nik Lee & Hussin Salamon. 2012. *Kompetensi Pengurusan Kewangan Dalam Kalangan Mahasiswa: Kajian Terhadap Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Sains Sukan)*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Azizah Shaari, Nurfadhilah Abu Hasan, Ramesh Kumar Moona Haji Mohamed & Mior Ahmad Jafri Md Sabri. 2013. Financial Literacy: A Study among the university students. *Interdisciplinary Journal of contemporary Research in Business* 5 (2): 279-299.
- Noraihan Mamat Zambri, Hasmida Mohamad Hassan & Syaiful Baharee Jaafar. 2013. Hubungan antara Amalan Pengurusan Kewangan Pelajar dan Kursus PA305: Pengurusan Kewangan Peribadi - Satu kajian kes di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Technical and Education Colloquium (TEC) PTSB*: 25-31.
- Nurulhuda Ramli, Chai Siew Fun & Fazli Idris. 2009. Kajian kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan perpustakaan universiti awam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan* 28: 23-43.
- Rajna Anthony. 2011. Knowledge, Attitude, Practice and Satisfaction on Personal Financial Management Among The Medical Practitioners in the Public and Private Medical Services in Malaysia.
- Raziah Md Tahir & Syarifah Md Yusof. 2014. Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin. *International Journal of Business and Technopreneurship* 4 (3): 477 – 494.
- Roselena Mansor. 2001. *Kualiti Pendidikan Kolej Profesional MARA Daripada Perspektif Pelajar*. Kolej Profesional MARA Beranang.
- Siti Rohani. 2006. *Tahap Kualiti Perkhidmatan Pusat Sumber Fakulti Pendidikan UTM, Skudai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zuriana Mohamed & Rosniyati Abd Razak. 2012. *Kajian persepsi pelajar terhadap impak kursus pengurusan kewangan peribadi jabatan perdagangan politeknik port dickson*. Politeknik Port Dickson.